

DASAR PRIVASI DAN 'COOKIES'

Laman web www.zara.com adalah satu portal beli-belah dalam talian (selepas ini, Portal atau Laman Web) yang disediakan oleh ITX MERKEN, B.V. (selepas ini, ITX MERKEN), sebuah syarikat Belanda milik Kumpulan Inditex, dan GAGAN (MALAYSIA) SDN BHD, dengan no. pendaftaran syarikat 588634-W dan alamat berdaftar di Lot 6.05, Level 6, KPMG Tower, 8 First Avenue, Bandar Utama, Petaling Jaya, Selangor, Malaysia (selepas ini, Penjual), menggunakan Portal sebagai saluran penjualan bagi Produk ZARA melalui e-dagang di Malaysia.

Dasar Privasi ini membentangkan asas bagaimana Penjual dan ITX MERKEN (selepas ini, Kami atau kami, Pengawal Data Bersama) memproses maklumat melalui Portal ini.

Dengan menggunakan Laman Web atau memberikan Data Peribadi anda (seperti yang ditakrifkan di bawah) kepada kami melalui Portal atau melalui saluran lain yang tersedia, anda dengan ini membenarkan kami memproses pelbagai data peribadi (yang diterangkan di bawah) dan akan terikat oleh Dasar Privasi semasa dan anda hendaklah menyemak teks ini setiap kali anda menggunakan Laman Web untuk memastikan anda bersetuju dengannya.

1. PENGUMPULAN DATA DAN TUJUAN UTAMA PEMROSESAN:

Kami mengumpul dan memproses maklumat peribadi tentang diri anda (selepas ini, Data Peribadi) apabila anda menggunakan Portal. Tanpa had, Data Peribadi ini termasuk maklumat peribadi yang anda kemukakan apabila anda mendaftar diri di Portal, melayari dan/atau membuat pembelian melaluinya. Maklumat sedemikian termasuk nama pertama anda, nama terakhir anda, alamat e-mel, nombor telefon, alamat penghantaran dan alamat bil, tandatangan (apabila mengumpul pembelian dalam talian), suara (apabila menelefon kami melalui perkhidmatan pelanggan), tarikh lahir, umur, jantina, cara pembayaran untuk pembelian, sejarah maklumat pembelian, ID pengguna, dan maklumat pembayaran anda.

Jika anda tidak memberikan maklumat yang diminta kepada kami, Kami mungkin tidak dapat memenuhi tujuan pengumpulan yang berkenaan, contohnya untuk membekalkan produk kepada anda.

Kami akan memproses Data Peribadi anda bagi tujuan berikut:

- a) Pendaftaran sebagai pengguna Portal: Data Peribadi yang disediakan kepada kami untuk pendaftaran sebagai pengguna Portal akan diproses untuk mengenal pasti diri anda sebagai pengguna Laman Web dan memberi akses kepada pelbagai perkhidmatan dan fungsi yang tersedia kepada anda sebagai pengguna berdaftar.

- b) Pembelian: Menghasilkan, memudahkan dan melaksanakan kontrak jual beli bagi produk yang dibeli oleh anda kepada Penjual atau bagi apa-apa kontrak lain antara pihak-pihak dan bagi tujuan pentadbiran dan undang-undang yang berkaitan.

Selanjutnya, Kami mungkin menggunakan data anda untuk menghubungi anda melalui e-mel, panggilan telefon atau SMS untuk memaklumkan anda tentang status pesanan anda dan komunikasi lain berkaitan dengan perkhidmatan, termasuk maklumat kemas kini keselamatan Portal.

Jika anda memberikan maklumat pihak ketiga kepada kami, anda bertanggungjawab memaklumkan dan mendapatkan kebenaran mereka untuk memberikan maklumat ini bagi tujuan yang dijelaskan di bawah. Jika produk atau kad hadiah (selepas ini, barangan) dibeli, maklumat pihak ketiga yang diberikan hanya akan digunakan untuk (i) mengurus penghantaran atau pengesahan mengenai penerimaan barangan dan (ii) menangani sebarang pertanyaan atau permintaan oleh anda atau pihak ketiga;

- c) Resit Hadiah: Jika anda mempunyai baucer hadiah dan anda ingin memulangkan barangan berkaitan dengannya melalui Laman Web, kami akan menggunakan butir-butir peribadi, termasuk Data Peribadi anda yang diberikan oleh anda di atas borang pemulangan hanya untuk (a) menguruskan permintaan dan memproses pungutan barangan dari pintu ke pintu, (b) memenuhi apa-apa permintaan berkaitan dengan baucer hadiah atau pemulangan yang diminta oleh anda; dan (c) mengesahkan penerimaan barangan yang dipulangkan dan kemudian menghantar Resit Bucer atau Kad Bucer dengan jumlah pemulangan melalui e-mel atau cara elektronik lain yang serupa.
- d) Permintaan: Jika ada ingin membuat sebarang pertanyaan, melalui borang hubungan yang boleh didapati di Portal, Data Peribadi dan butir-butir hubungan anda mungkin digunakan oleh kami untuk membalas pertanyaan anda, termasuk pertanyaan berkaitan dengan perkhidmatan teknikal Portal, operasinya, keraguan tentang pesanan dan lain-lain. Supaya pertanyaan anda dapat ditangani dengan secukupnya, kami mungkin perlu menghubungi anda melalui e-mel, panggilan telefon atau SMS.

Pengguna (Anda) dengan ini menjamin bahawa Data Peribadi yang diberikan adalah benar dan tepat dan berakujanji untuk memaklumkan kami tentang sebarang perubahan atau pindaan padanya. Apa-apa kerugian atau kerosakan yang diakibatkan kepada Laman Web atau kepada Kumpulan Inditex, Penjual atau kepada mana-mana pihak ketiga disebabkan pemberian maklumat yang salah, tidak tepat atau tidak lengkap di atas borang pendaftaran, adalah tanggungjawab pengguna semata-mata.

2. LANGGANAN SURAT BERITA

Langganan kepada Surat Berita kami boleh diaktifkan secara sukarela melalui Portal melalui penerimaan oleh pengguna.

Jika anda memberikan kebenaran terdahulu kepada kami, ITX MERKEN akan memproses Data Peribadi anda bagi tujuan memberikan maklumat kepada anda mengenai produk ZARA, serta produk daripada mana-mana jenama dan/atau syarikat lain yang menggunakan saluran penjualan Kumpulan Inditex (dengan aktiviti berkaitan dengan sektor hiasan, tekstil, produk pakaian siap dan hiasan rumah, serta sektor pelengkap lain seperti kosmetik atau barangan kulit, dan pembangunan dan sokongan aktiviti perdagangan elektronik), termasuk, berkaitan dengan produk atau perkhidmatan ini, penghantaran komunikasi perdagangan melalui e-mel atau cara komunikasi elektronik lain yang serupa (seperti SMS) atau melalui panggilan telefon.

Jika anda seorang pengguna berdaftar, anda boleh mengubah pilihan anda berkaitan dengan penghantaran komunikasi perdagangan dengan mengakses My Account. Anda hanya akan menerima pesanan elektronik perdagangan jika anda membenarkannya atau sebagaimana yang dibenarkan oleh undang-undang. Anda boleh menghentikan langganan melalui bahagian Surat Berita.

3. PENDEDAHAN DATA PERIBADI DAN PEMINDAHAN ANTARABANGSA

Untuk mencapai tujuan yang dinyatakan dalam bahagian di atas, Kami mungkin perlu mendedahkan atau memindahkan maklumat yang diberikan oleh anda kepada kami kepada syarikat induk Kumpulan Inditex [Industria de Diseño Textil, S.A., (Inditex, S.A.)] dan kepada entiti tertentu lain yang merupakan sebahagian daripada Kumpulan Inditex (dengan aktiviti berkaitan dengan sektor yang disebut di atas) yang bertempat di Kesatuan Eropah. Anda dengan ini dimaklumkan bahawa dengan mendaftar diri dan memberikan maklumat kepada kami melalui Laman Web ini, anda dengan nyata membenarkan kami mendedahkan dan/atau memindahkan data tersebut kepada syarikat-syarikat tersebut dalam Kumpulan Inditex. Di samping itu, demi mencapai tujuan yang dinyatakan dalam bahagian 1.b dan 1.d, Penjual mungkin perlu mendedahkan atau memindahkan maklumat yang diberikan oleh anda kepada kami kepada entiti tertentu lain yang merupakan ahli gabungan syarikat GAGAN (MALAYSIA) SDN BHD. Anda dengan ini dimaklumkan bahawa dengan mendaftar diri dan memberikan maklumat kepada kami melalui laman web ini, anda dengan nyata membenarkan kami mendedahkan dan/atau memindahkan data tersebut kepada syarikat-syarikat tersebut (iaitu ahli gabungan syarikat GAGAN (MALAYSIA) SDN BHD).

Jika benar-benar perlu, kami juga mungkin mendedahkan maklumat ini kepada anak syarikat dan ahli gabungan syarikat Inditex, S.A., pemproses pihak ketiga, pusat pemrosesan dan penghantaran ('fulfilment centres'), institusi kewangan atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga lain yang membantu operasi perniagaan kami (seperti penyiasatan penipuan, pungutan bil, program gabungan dan ganjaran,

pembekal perkhidmatan teknologi, pengurusan transaksi kewangan, perkhidmatan logistik, pengangkutan, pengurusan pesanan dan perkhidmatan pelanggan, dan / atau analisis transaksi yang dibuat melalui Laman Web untuk memberikan jaminan yang secukupnya kepada pengguna kami tentang transaksi pembelian, dan lain-lain.) atau sebagaimana yang perlu untuk memproses pembelian anda. Dengan memberikan maklumat dalam Laman Web ini atau sebaliknya kepada Kami, anda dengan nyata membenarkan kami mendedahkan dan memproses maklumat anda sebagaimana yang diterangkan. Kebenaran anda terhadap akses/pendedahan ini termasuk keadaan di mana, demi kecekapan penyediaan perkhidmatan, penyedia mungkin berada di Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan Malaysia.

4. HAK PENGGUNA

Anda boleh menghubungi Pegawai Perhubungan Perlindungan Data dan Privasi kami untuk melaksanakan hak akses, pembetulan, pemadaman dan bantahan anda dengan menghantar e-mel kepada dataprotection@zara.com dan menyatakan tajuk "ZARA – Malaysia" atau melalui panggilan telefon kepada 1800 18 9272. Jika perlu, Kami mungkin menghendaki supaya permintaan tersebut dibuat dalam cara yang boleh dipercayai dengan disertai oleh identiti pemohon. Tujuan Kami adalah untuk memastikan tahap keselamatan dan kerahsiaan yang maksimum. Jika anda membuat keputusan untuk menggunakan hak tersebut, sila berikan kepada kami alamat e-mel berkaitan dengan pelaksanaan hak akses, pembetulan, pemadaman dan bantahan tersebut.

5. MAKLUMAT TENTANG 'COOKIES'

Kami menggunakan 'cookies' di laman web ini, iaitu fail teks kecil yang mengandungi maklumat mengenai pelayaran laman web ini oleh anda, dan tujuan utamanya adalah untuk mempertingkatkan pengalaman anda di laman web ini. Teruskan membaca untuk mendapat maklumat lanjut mengenai 'cookies' yang kami gunakan, tujuannya dan maklumat lain yang penting.

Maklumat mengenai 'Cookies'

Apakah 'Cookie'?

'Cookie' adalah fail teks kecil yang disimpan oleh laman web di komputer, telefon atau peranti anda yang lain, yang mengandungi maklumat tentang pelayaran anda di laman web tersebut. 'Cookies' diperlukan untuk membantu pelayaran dan menjadikannya lebih mesra pengguna, dan tidak akan merosakkan komputer anda.

Polisi ini menggunakan istilah am "Cookies", kerana ini adalah cara utama untuk menyimpan maklumat yang digunakan oleh laman web ini, walau bagaimanapun ruang "Local Storage" pelayar turut digunakan bagi tujuan yang sama seperti 'Cookies'. Semua maklumat yang dirangkum dalam bahagian ini juga relevan kepada "Local Storage".

Apakah kegunaan 'Cookies' di laman web ini?

'Cookies' merupakan komponen yang penting bagi operasi laman web kami. Tujuan utama 'Cookies' kami adalah untuk mempertingkatkan pengalaman pelayaran anda. Contohnya, 'Cookies' digunakan untuk mengingati pilihan anda (bahasa, negara, dll) semasa melayari laman web dan apabila anda melawat laman web di masa hadapan.

Maklumat yang dikumpul oleh 'Cookies' juga membolehkan kami mempertingkatkan laman dengan menganggarkan bilangan dan corak penggunaan, kesesuaian laman web terhadap minat individu pengguna, carian yang lebih pantas, dan lain-lain.

Ada kalanya, jika kami telah mendapatkan kebenaran termaklum daripada anda sebelum itu, kami mungkin menggunakan 'Cookies', tag atau peranti serupa lain untuk mendapatkan maklumat yang membolehkan kami menunjukkan kepada anda, sama ada daripada laman web kami sendiri atau daripada laman web pihak ketiga atau melalui cara lain, iklan yang berdasarkan analisis mengenai tabiat pelayaran anda.

Apakah yang TIDAK AKAN dilakukan melalui 'Cookies' di laman web ini?

Kami tidak menyimpan maklumat peribadi sensitif, seperti alamat anda, kata laluan anda, data kad kredit atau debit anda, dan lain-lain, dalam 'Cookies' yang kami gunakan.

Siapakah yang menggunakan maklumat yang disimpan dalam 'Cookies'?

Maklumat yang disimpan dalam 'Cookies' daripada laman web kami digunakan secara eksklusif oleh kami, kecuali yang dikenal pasti di bawah sebagai "'cookies' pihak ketiga", yang digunakan dan diurus oleh entiti luar untuk menyediakan perkhidmatan yang kami minta demi mempertingkatkan perkhidmatan kami dan pengalaman pengguna semasa melayari laman web kami. Perkhidmatan utama bagi penggunaan "'cookies' pihak ketiga" ini adalah untuk mendapatkan statistik mengenai akses dan untuk menjamin transaksi pembayaran yang dilaksanakan.

Bagaimanakah saya boleh mengelakkan daripada menggunakan 'Cookies' di laman web ini?

Jika anda ingin mengelakkan daripada menggunakan 'Cookies' di halaman ini, dengan mengambil kira had yang diterangkan di atas, pertama sekali anda hendaklah melumpuhkan penggunaan 'Cookies' di pelayar anda dan kemudian memadamkan 'Cookies' yang disimpan dalam pelayar ini berkaitan dengan laman web ini.

Anda boleh menggunakan pilihan ini untuk menghalang penggunaan 'Cookies' pada bila-bila masa.

Bagaimanakah saya boleh melumpuhkan dan menghalang penggunaan 'Cookies'?

Anda boleh membataskan, menyekat atau memadamkan 'Cookies' daripada laman web ini pada bila-bila masa dengan mengubah konfigurasi pelayar anda dengan mengikut langkah yang dinyatakan di bawah. Meskipun seting adalah berbeza dalam setiap pelayar, 'Cookies' biasanya dikonfigurasi dalam menu "Preferences" atau "Tools". Untuk butir-butir lanjut mengenai cara konfigurasi 'Cookies' dalam pelayar anda, lihat menu "Help" di dalam pelayar itu sendiri.

Apakah 'Cookies' khusus yang digunakan oleh laman web ini dan apakah tujuannya?

Carta di bawah menunjukkan 'Cookies', tag dan peranti serupa lain yang digunakan oleh laman web ini, bersama-sama dengan maklumat tentang tujuan, tempoh dan pengurusan (sendiri dan oleh pihak ketiga) bagi setiap 'Cookie'.

'Cookies' teknikal dan penyesuaian: untuk pengecaman dan pengesahan, pelayaran, pengkhususan antaramuka, kegemaran...			
'Cookies' ini digunakan untuk mengenal pasti pengguna semasa sesi, mengelakkan pengguna daripada mengulang proses log masuk di mana web, mempercepatkan prosedur tertentu di laman web, mengingatkan pilihan yang dibuat semasa sesi atau pada lawatan seterusnya, mengingatkan halaman yang telah dilawati, dan lain-lain.			
'COOKIES'	TUJUAN	TEMPOH	PENGURUSAN
Pengenalan pengguna	Digunakan untuk mengenal pasti dan mengesahkan pengguna. Turut mengandungi data teknikal daripada sesi pengguna, seperti, misalnya, masa menunggu untuk sambungan, pengecam sesi, dan lain-lain.	Sesi	'Cookies' sendiri
Pengecam sesi	Digunakan untuk mengecam sesi http pengguna. Lazim digunakan dalam semua aplikasi web untuk mengecam permintaan pengguna dalam sesi.	Sesi	'Cookies' sendiri
Status pelayaran	Membolehkan status pelayaran pengguna dikenal pasti (permulaan sesi, halaman pertama, akses pertama, status tatal ('scroll status'), status mengundi ('state of voting'), dan lain-lain.).	Sesi	'Cookies' sendiri
Pilihan pengguna	Menyimpan nilai-nilai sesi yang dipilih oleh pengguna seperti gedung, bahasa, mata wang, produk, saiz, dan lain-lain.	Sesi	'Cookies' sendiri
Kegemaran dan pilihan terakhir	Membolehkan pilihan kegemaran pengguna diingati (gedung, misalnya) serta pilihan terakhir mereka (gedung, produk, kebenaran pemasangan 'cookies', dan lain-lain.) dalam sesi web selepas itu.	Berterusan	'Cookies' sendiri
BAKUL PEMBELIAN	Menyimpan maklumat mengenai bakul pembelian mini, seperti butir-butir pengenalan pengguna yang dikaitkan dengan bakul tersebut.	Sesi	'Cookies' sendiri
Protokol	Membolehkan perubahan diproses antara domain yang selamat (https) dan tidak selamat (http) (protokol).	Sesi	'Cookies' sendiri
'Cookies' untuk analisis pelayaran			
'Cookies' ini mendapatkan maklumat umum tentang akses pengguna kepada laman web (bukan kandungannya) untuk selepas itu memberikan maklumat agregat kepada kami tentang akses ini bagi tujuan statistik.			
'COOKIES'	TUJUAN	TEMPOH	PENGURUSAN

Asal Usul (WC_GASource)	Digunakan untuk menentukan asal usul pengguna apabila tiba di halaman di laman web ini, misalnya jika mereka tiba di halaman butir-butir produk daripada grid produk, daripada pelayar carian atau daripada laman web luar.	Berterusan	'Cookies' sendiri
Google Analytics (__utma, __utmb, __utmc, __utmd, __utmv, __utmz, _ga...)	Membolehkan laman web dipantau melalui alat Google Analytics, iaitu perkhidmatan yang disediakan oleh Google untuk mendapatkan maklumat akses pengguna di laman web. Antara data yang disimpan adalah: berapa kali pengguna melawat laman web, tarikh lawatan pertama dan terakhir, tempoh lawatan, halaman di mana pengguna mengakses laman web, enjin carian yang digunakan oleh pengguna untuk mengakses laman web atau pautan yang ditekan, tempat di dunia di mana pengguna mengakses laman web, dan lain-lain. Konfigurasi 'cookies' ini ditentukan terlebih dahulu oleh perkhidmatan yang ditawarkan oleh Google dan maklumat yang dijana oleh 'cookie' tentang penggunaan laman web anda akan dihantar dan disimpan oleh Google, Inc (syarikat yang bertempat di Amerika Syarikat). Oleh itu kami mencadangkan supaya anda membaca halaman privasi Google Analytics, https://developers.google.com/analytics/devguides/collection/analyticsjs/cookie-usage , untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai 'cookies' yang digunakannya dan bagaimana untuk melumpuhkannya. Sila ambil maklum bahawa kami tidak bertanggungjawab atas kandungan atau ketepatan laman web pihak ketiga.	Berterusan	Pihak ketiga
Optimizely (optimizelySegment s; optimizelyEndUserI d optimizelyPendingL ogEvents; optimizelyBuckets...)	'Cookies' yang dikenal pasti dengan domain optimizely.com atau www.optimizely.com, membolehkan kami mengoptimimumkan rupa, sensasi, pesanan, dan secara amnya, tujuannya adalah untuk memastikan bahawa pengguna akan mengalami suatu pengalaman pelayaran yang konsisten di laman web ini, berdasarkan bagaimana pengguna kami menggunakannya. Sesetengah data yang disimpan untuk dianalisis selepas itu adalah: bilangan pengemaskinian yang dilihat oleh pengguna, maklumat untuk segmen pelawat seperti pelayar, kempen, jenis sumber mudah alih, dan semua segmen penyesuaian yang didefinisi, dan lain-lain. Konfigurasi bagi 'cookies' ini ditentukan terlebih dahulu oleh perkhidmatan yang ditawarkan oleh penyedia kami, Optimizely, Inc. (syarikat yang bertempat di Amerika Syarikat). Oleh itu kami mencadangkan supaya anda melawat laman web mereka https://help.optimizely.com/hc/en-us/articles/200040335 , untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai 'cookies' yang digunakan oleh mereka dan bagaimana untuk melumpuhkannya melalui pautan berikut https://www.optimizely.com/opt_out . Sila ambil maklum bahawa kami tidak bertanggungjawab atas kandungan atau ketepatan laman web pihak ketiga.	Berterusan	Pihak ketiga
'Cookies' untuk analisis pembelian			
'Cookies' ini membolehkan maklumat dikumpul di peranti daripada mana pembelian dibuat di laman web ini, untuk mengesahkan bahawa transaksi menyediakan jaminan yang cukup kepada pelanggan. 'Cookies' ini tidak akan mengandungi maklumat sensitif, seperti butir-butir kad.			
'COOKIES'	TUJUAN	TEMPOH	PENGURUSAN

Peranti pembelian (thx_guid)	Membolehkan pengenalpastian peranti (komputer, telefon, dan lain-lain) daripada mana pembelian dibuat di laman web ini, untuk dianalisis selepas itu bagi tujuan menawarkan pelanggan kami jaminan yang cukup dalam operasi pembelian. Maklumat yang dikumpul dalam 'cookies' ini dikumpul oleh syarikat luar (Cybersource) untuk melaksanakan analisis ini.	Berterusan	Pihak ketiga
---------------------------------	--	------------	--------------

Carta maklumat ini akan dikemaskinikan apabila perkhidmatan yang ditawarkan di laman web ini berubah dengan secepat mungkin. Carta maklumat mungkin buat sementara waktu gagal memasukkan 'cookie', tag atau peranti serupa lain disebabkan pengemaskinian tersebut, walau bagaimanapun 'ccokie', tag atau peranti tersebut adalah sentiasa peranti yang mempunyai tujuan yang sama seperti yang dimasukkan di dalam carta ini.